

23 OCT 1998

BELANJAWAN-REAKSI/I

BELANJAWAN 1999 SEDIA ASAS KUKUH BAGI EKONOMI NEGARA

Oleh: Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Persatuan Bank-Bank Malaysia merasakan bahawa dasar fiskal mengembang yang digariskan dalam Belanjawan 1999 hari ini, adalah jawapan yang paling wajar bagi meletakkan ekonomi di atas asas yang lebih kukuh.

Pengerusinya Datuk Amirsham A Aziz berkata sektor perbankan khususnya gembira dengan pengecualian cukai sebanyak 50 peratus ke atas "interest-in-suspense" yang diberikan di dalam Belanjawan itu.

Konsesi ini sesungguhnya penting memandangkan tahap pinjaman tidak berbayar (NPL) dalam industri ini sekarang, ujar beliau sambil menambah kata bahawa ia akan meningkatkan keuntungan bank-bank dan memperkukuhkan industri ini khususnya dalam tempoh yang mencabar ini.

Amirsham, yang juga adalah pengarah urusan Maybank, berkata ABM menyambut baik pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta sebenar ke atas penggabungan institusi-institusi kewangan.

"Langkah ini akan mengurangkan kos yang terlibat, dengan itu menggalakkan lagi proses penggabungan dan pengukuhan industri perbankan negara ini," tegasnya dalam satu kenyataan.

Persatuan itu berpandangan positif tentang pengecualian duti setem ke atas pinjaman-pinjaman pembiayaan semula kerana ini memberikan lebih keluwesan kepada peminjam dan akan memberi manfaat kepada perniagaan-perniagaan dalam jangka panjang, tambah Amirsham.

Penganalisis perbankan TA Securities, Chie King Ngu berkata oleh kerana kerajaan telah melakukan "begitu banyak" bagi faedah sektor perbankan dalam beberapa bulan kebelakangan ini, kebanyakan pengusaha bank tidak mengharapkan banyak galakan diberikan bagi sektor ini dalam Belanjawan 1999.

"Penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd dan Danamodal Nasional Bhd misalnya, akan membantu memperkukuhkan sistem perbankan," katanya.

Bagaimanapun, Chie berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membentangkan Belanjawan itu di Dewan Rakyat, telah mengumumkan lebih daripada apa yang dijangkakan oleh sektor perbankan, iaitu pengecualian cukai 50 peratus ke atas "interest in-suspense" dalam dua tahun akan datang.

Beliau berkata Belanjawan 1999 agak berlainan sedikit daripada belanjawan tahun-tahun lalu tetapi ia boleh menjadi rangsangan kepada ekonomi yang telah dimusnahkan oleh spekulator matawang dan pasaran saham yang tidak bertanggungjawab.

"Orang akan pasti bertanya bagaimana kerajaan akan membiayai defisit belanjawan yang dijangka berjumlah kira-kira RM16 bilion tahun depan, tetapi saya merasakan kerajaan mempunyai caranya sendiri untuk menyelesaikan perkara tersebut," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pelabur Malaysia, Dr PHS Lim menganggap Belanjawan 1999 sebagai "mesra rakyat" dan pro-perniagaan.

"Walaupun negara menghadapi keperitan pada masa ini, namun kerajaan mencuba bersungguh-sungguh untuk mengembangkan ekonomi, agar negara dapat keluar daripada keperitan ini secepat mungkin," tegas beliau.

-- BERNAMA

AA KY MA